

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 17 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1311-L54372
Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai isu kanak-kanak yang dimanipulasi oleh sesetengah pihak tidak bertanggungjawab dan dijadikan peminta sedekah. Apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi permasalahan tersebut.
2. PR-1311-L54211
Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menambah jumlah anggota polis di semua balai polis di kawasan Parlimen Subang sehingga nisbah 1 anggota ke 250 penduduk dicapai.
3. PR-1311-L54214
Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah aktiviti yang dijalankan telah dapat meningkatkan semangat persaingan yang positif serta mempunyai sifat jati diri yang mantap di kalangan belia.
4. PR-1311-L54857
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya di kawasan Parlimen Puchong, khususnya di kawasan Tol LDP di Sunway dan sama ada Kerajaan bersedia untuk melantik pakar bebas untuk mengenal pasti masalahnya dan langkah yang perlu untuk mengatasinya.
5. PR-1311-L53269
Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-
 - (a) kaedah yang digunakan untuk membendung kenaikan harga barangan keperluan harian; dan

- (b) mungkinkah kenaikan harga barang sengaja dilakukan oleh pihak tertentu bagi menjatuhkan kredibiliti Kerajaan.
6. PR-1311-L54847
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan perbezaan pendapatan dalam negara, bagaimanakah merapatkan jurang pendapatan yang semakin melebar antara golongan kaya dan miskin dan bagaimanakah Malaysia boleh menjadi negara berpendapatan tinggi di mana golongan berpendapatan rendah semakin mengecil pada tahun 2020.
7. PR-1311-L53313
Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah insentif-insentif Kementerian untuk menarik bakat terbaik, bukan sahaja daripada segi pencapaian akademik, bahkan termasuk daripada segi kerohanian, untuk menjadi pendidik negara.
8. PR-1311-L53290
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan penjanakuasa persendirian (IPP) serta tempoh kontrak untuk membekalkan elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad.
9. PR-1311-L54912
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan semasa (fizikal dan kewangan) projek pembinaan jalan raya Lapok, Baram, Sarawak.
10. PR-1311-L53468
Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah kajian E.I.A (Penilaian Impak Alam Sekitar) dijalankan untuk kerja-kerja penambakan tanah yang sedang dilaksanakan (Jun 2013) di Sungai Terengganu di muara Kuala Terengganu di belakang Kampung Cina.
11. PR-1311-L54990
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah bekalan elektrik dan air untuk kampung Bukit Kinyau, Tanjong Manis akan bermula memandangkan projek ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia ke-9.
12. PR-1311-L53910
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah bilangan ibu tunggal yang berdaftar di Sibu dan Sarawak, jumlah peruntukan yang diluluskan sejak 2008, serta bilakah Kerajaan akan melaksanakan Skim Insurans Ibu Tunggal, Projek Perumahan Rakyat dan Kad diskaun ibu tunggal yang dicadangkan semasa Pilihan Raya Umum Ke-13.

13. PR-1311-L54062
Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) mengapakah terdapat terlalu ramai pengemis dan peminta derma yang terdiri daripada orang kurang upaya terutama yang mengalami cacat penglihatan di kota-kota besar yang sekarang telah mula menular di pekan-pekan kecil; dan
 - (b) apakah tindakan Kementerian untuk menangani golongan tersebut.
14. PR-1311-L54534
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan program satu pelajar satu sukan, termasuk peruntukan tahunan serta senarai sekolah-sekolah mengikut negeri yang tiada padang sukan sendiri. Apa rancangan Kementerian untuk sekolah-sekolah ini seperti SRJKT Kampung Baru, SRJKT Ladang Alma, SRJKT Keow Kuang, SRJKT Sin Ya di Bukit Mertajam.
15. PR-1311-L53064
Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor-faktor berhubung sejumlah 888 kontraktor daripada 8,914 kontraktor yang dilantik Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi melaksanakan projek rumah mesra rakyat disenarai hitamkan pada tahun 2012.
16. PR-1311-L54679
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendapatan per kapita Malaysia setakat 31 Mei 2013 dan apakah pengagihan pendapatan tersebut antara rakyat Malaysia, ia peratusan penduduk dalam setiap tahap pendapatan. Apakah angka tersebut untuk negeri Sarawak.
17. PR-1311-L53291
Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah pihak Kementerian dapat memberi peruntukan membina sebuah loji rawatan air bersih di Penempatan Semula Sungai Asap di Daerah Belaga, Bahagian Kapit.
18. PR-1311-L54842
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana penurunan harga kereta melalui persaingan pasaran bebas. Adakah langkah ini berkesan. Mengapa tidak menurunkan harga kereta dengan mengurangkan duti eksais dan cukai jualan. Nyatakan jumlah hutang kereta persendirian negara.

19. PR-1311-L53610
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) statistik pewujudan tadika dan taska di Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan sejak dua tahun yang lalu dan bilangan anak-anak anggota perkhidmatan awam yang telah didaftarkan; dan
 - (b) modul yang digunakan di tadika-tadika dan taska-taska tersebut.
20. PR-1311-L54228
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memansuhkan hukuman mati. Jika tidak, nyatakan sebab-sebab.
21. PR-1311-L53638
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan cadangan memperbaiki Akta Perkeso 1969 yang perlu dipinda untuk penambahbaikan kepada pekerja serta rakyat pekerja dimaklumkan hak mereka.
22. PR-1311-L53121
Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah anggota Polis Diraja Malaysia.
23. PR-1311-L54760
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan penyebab utama kejadian banjir kilat yang kerap berlaku seperti di Taman Perumahan Desa Ilmu dan kawasan perumahan berhadapan dengan kem tentera di Jalan Dato Mohammad Musa, Kota Samarahan. Adakah Kementerian mempunyai pelan menyeluruh mengenai sistem perparitan di Kota Samarahan, Sarawak. Sebagai sebuah bandar yang akan dinaik taraf sebagai Majlis Perbandaran pada Ogos 2013, Kota Samarahan seharusnya memiliki sistem perparitan yang teratur dan mampu mencegah banjir kilat dan ke arah sebuah Majlis Perbandaran yang bersih indah dan terancang.
24. PR-1311-L53422
Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan boleh memastikan tahap 'Denggi Sifar' dapat dicapai di kalangan rakyat di negara ini.
25. PR-1311-L53280
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) bilakah projek balai bomba bagi kawasan Niah di Parlimen Sibuti akan dimulakan; dan

- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai peruntukan untuk tahun 2013 bagi menambah bilangan lampu di kawasan PBT Majlis Daerah Subis serta tambahan projek mengindahkan lanskap seperti taman permainan dan taman rehat di kawasan Parlimen Sibuti.
26. PR-1311-L53042
Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan aduan pekerja terhadap majikan yang mengamalkan amalan khidmat kontrak yang dilihat menindas pekerja.
27. PR-1311-L54378
Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha terbaru Kerajaan dalam menangani jenayah berat terutamanya pembunuhan yang melibatkan senjata api yang berleluasa setelah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Langkah-langkah Pencegahan Khas dibubar. Jika ya, sebutkan angka jenayah berat dengan dibuat perbandingan 5 tahun sebelum dan selepas ISA dibubarkan.
28. PR-1311-L54700
Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah status projek pembinaan Empangan Kahang:-
- (a) tarikh empangan dijangka siap dan kos dan pecahan tanggungan yang dibiayai oleh Kerajaan negeri dan Persekutuan masing-masing; dan
- (b) adakah EIA telah dijalankan dan diluluskan sepertimana yang dikehendaki di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
29. PR-1311-L53352
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah pencegahan akan diambil untuk memastikan aspek keselamatan penumpang-penumpang pengangkutan awam di laut (seperti had maksimum muatan, keadaan enjin yang baik untuk feri dan bot) dapat dikawal dengan ketat supaya tragedi nahas bot karam di Sungai Rejang, Sarawak baru-baru ini tidak akan berulang.
30. PR-1311-L54660
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklum balas Kerajaan terhadap laporan-laporan yang terkandung dalam *Report of Proceedings International Conference on Malaysia 13th General Elections* yang diadakan pada 4 dan 5 Mac 2013 dan rekomendasi 22 syor-syor dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Berhubung Penambahanbaikan Proses Pilihan Raya.
31. PR-1311-L53738
Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kementerian mencapai sasaran 50% tenaga mahir ke arah merealisasikan impian Wawasan 2020 menjadi negara maju 2020 berbanding hanya 28% tenaga mahir hari ini.

32. PR-1311-L53581
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan tahap Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita dan sebab-sebab Kementerian tidak membenarkan sekolah-sekolah menggunakan bahasa pengantar Bahasa Inggeris.
33. PR-1311-L53382
Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa kos pengeluaran padi telah meningkat tinggi. Bagaimanakah Kementerian mengatasi perkara ini bagi mengurangkan beban petani padi. Adakah Kementerian mempunyai rancangan tertentu untuk meningkatkan pendapatan petani padi dalam kawasan MADA.
34. PR-1311-L53763
Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis-jenis pembiayaan yang ditawarkan oleh Kementerian kepada usahawan tani luar bandar dan apakah ia mematuhi syariah.
35. PR-1311-L53637
Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah projek ESSCOM di negeri Sabah sudah dilaksanakan dan untuk berapa lamakah tempoh pelaksanaannya; dan
 - (b) bolehkah Kementerian menjelaskan tentang apakah projek-projek yang terlibat dan berapakah anggaran kos dua projek ini.
36. PR-1311-L53782
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perkembangan Dasar Sukan Negara 2009 khususnya dalam mencapai kecemerlangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
37. PR-1311-L53890
Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan supaya Kerajaan mendedahkan siapa dalang di sebalik insiden pencerobohan pegganas di Lahad Datu, Februari lalu, di sesi Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia, berikutan bukti sudah diperolehi oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
38. PR-1311-L54559
Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat memberi keyakinan kepada rakyat mengenai fungsi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) dan mengapa Kerajaan tidak menubuhkan Suruhanjaya Bebas Pengaduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) seperti yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja Polis.

39. PR-1311-L54609
Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) bilangan unit rumah PPR yang terdapat di Langkawi; dan
 - (b) adakah perancangan untuk menambah bilangan rumah PPR dan rumah PR1MA di Langkawi selaras dengan penambahan permintaan ke atas keperluan rumah di Langkawi.
40. PR-1311-L53850
Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tahap pelaksanaan dan keberkesanan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi meliputi bandar-bandar besar, kawasan pertumbuhan ekonomi utama dan kawasan industri, liputan jalur lebar ke kawasan pinggiran bandar dan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).
41. PR-1311-L54320
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan perbelanjaan Pilihan Raya Umum Ke-13 dan berapakah peruntukan kewangan yang telah dibelanjakan untuk membeli dakwat kekal serta namakan syarikat pembekal dakwat kekal berkenaan.
42. PR-1311-L54153
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan susulan Kerajaan terhadap 'Laporan Penan' yang telah dikeluarkan oleh Kumpulan Sokongan Penan (PSG) pada tahun 2010 yang lalu.
43. PR-1311-L53803
Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bilakah Kerajaan akan menubuhkan sebuah Kementerian khusus untuk Petroleum dan Mineral Negara bagi mengekang kuasa yang terlalu luas diberikan kepada YAB Perdana Menteri di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974 (Akta 144); dan
 - (b) adakah peruntukan dalam Akta 144 masih relevan dengan persekitaran ekonomi dan ekosistem dunia perniagaan antarabangsa masa kini.
44. PR-1311-L54598
Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai petugas SPR yang mengendalikan Pilihan Raya Umum Ke-13 adalah terdiri dari ahli parti-parti Barisan Nasional. Apakah jaminan bahawa mereka ini telah melakukan tugas secara telus dan saksama.

45. PR-1311-L54119
Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) statistik jumlah penceraian yang berlaku mengikut tahun (2008-2013) hasil perkahwinan kurang dari 3 tahun; dan
 - (b) apakah program bagi pelan jangka pendek dan panjang bagi mengatasi masalah penceraian tersebut.
46. PR-1311-L54814
Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaiman peruntukan RM200 juta akan digunakan di Zon Keselamatan Sosial Pantai Timur (ESSZONE). Apakah infrastruktur yang akan dibina dan adakah infrastruktur tersebut juga akan memberi manfaat kepada penduduk di zon tersebut.
47. PR-1311-L54288
Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kesan daripada peruntukan geran penanaman semula kelapa sawit berhasil rendah yang telah diberikan kepada pekebun kecil sejak 3 tahun kebelakangan ini.
48. PR-1311-L53258
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana kecuaiian pihak hospital boleh berlaku sehingga menyebabkan kematian/kecacatan pesakit. Adakah doktor tidak cukup kemahiran atau gagal mengikut prosedur piawai operasi (*standard operating procedure*).
49. PR-1311-L53590
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Menteri mana yang ditugaskan untuk menangani isu-isu hal ehwal India dan skop fungsinya.
50. PR-1311-L54802
Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengimbas kembali perihal 'jaminan keselamatan' kilang '*rare earth*' di Bukit Merah, juga reaktor nuklear serba canggih di Fukushima, akhirnya terbukti 'tidak selamat'. Mampukah Kementerian memberi jaminan keselamatan kepada penduduk Kuantan bagi pihak Lynas, dan penduduk Raub bagi pihak RAGM yang menggunakan '*cyanide*'.
51. PR-1311-L53767
Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar di setiap IPTA yang keciciran atau tidak menyambung pelajaran dari tahun 2000 sehingga 2012 dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran di IPTA.

52. PR-1311-L53955
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah agenda sebenar SKMM memberhentikan jalur frekuensi 806 hingga 821 Mhz serta 851 hingga 886 MHz yang kini diguna pakai untuk perkhidmatan *Trunked Radio Service*. Adakah ia bertujuan untuk dipelawa semula secara khusus kepada pelesen SKMM tertentu.
53. PR-1311-L54430
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kandungan kontrak Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES), status terkini prosiding saman AES, berapa saman AES dikeluarkan dan jumlah denda yang telah dibayar, berapa kamera AES belum dipasang, bila ia akan dipasang dan lokasinya masing-masing.
54. PR-1311-L54104
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jawatan dan pangkat Hishamuddin Hashim, bekas Timbalan Pengarah SPRM Selangor di SPRM sekarang.
55. PR-1311-L53524
Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) status projek (tahap pembinaan) Supply Base Tanjong Agas Industrial Park di Pekan, Pahang; dan
 - (b) bagaimana penyertaan syarikat minyak dan gas dan perniagaan lain di sana.
56. PR-1311-L53521
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pelan jangka panjang Kementerian untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup pesawah padi. Ini kerana pesawah padi umumnya mengalami penurunan pendapatan akibat kos yang meningkat.
57. PR-1311-L53099
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan benteng tebatan banjir di Tebing Sungai Golok (sebelah Malaysia) di Rantau Panjang bagi mengelakkan bencana banjir yang saban tahun melanda negara ini, khususnya di negeri Kelantan.
58. PR-1311-L54167
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Bebas yang berperanan membuat syor-syor terhadap persempadanan semula bahagian pilihan raya.

59. PR-1311-L54122
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) setakat mana Kementerian dapat mengawal Jabatan-jabatan Persekutuan yang gagal menurut peraturan *'National Financial Regulatory Standards'*; dan
 - (b) tindakan yang diambil kepada yang tidak bertanggungjawab kerana sikap dan kurang keprihatinan atau keperdulian dalam mengurus dana negara.
60. PR-1311-L54480
Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kursus latihan, dan langkah menjamin kecukupan, guru Bahasa Cina untuk Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, yang kekal dan sistematik, dan mengapa Kementerian telah membatalkan kursus KPLI, PKPG dan DPLI yang melatih guru Bahasa Cina.
61. PR-1311-L53326
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) status semasa program pelarian UNHCR dan jumlah pelarian terlibat dalam negara ini; dan
 - (b) program jangka pendek dan panjang yang telah dilakukan oleh Kerajaan dan NGO dalam mengatasi masalah ekonomi dan sosial kumpulan pelarian ini.
62. PR-1311-L53214
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan kerajaan membolehkan peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang mendapat keputusan cemerlang di peringkat diploma dan sarjana selain sarjana muda di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ditukarkan kepada biasiswa.
63. PR-1311-L53260
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang bilangan lesen mesin judi berkomputer yang dikeluarkan oleh Kementerian sejak tahun 2001 hingga tahun ini:-
- (a) nyatakan garis panduan dan syarat-syarat untuk meluluskan lesen ini; dan
 - (b) nyatakan bilangan pusat mesin judi haram yang sedang beroperasi di seluruh negara dan anggaran wang judi yang terlibat sama ada yang berlesen dan yang haram.

64. PR-1311-L54881
Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai satu pasukan khas dalam memantau dan menilai setiap projek pembangunan sama ada yang lama dan yang baru dilaksanakan di kawasan cerun bukit di sekitar Kuala Lumpur.
65. PR-1311-L53293
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kos yang dibelanjakan untuk naik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh.
66. PR-1311-L53838
Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penilaian yang telah dibuat mengenai tempoh pemberitahuan selama 14 hari menurut Peraturan Mesyuarat 22(2) Dewan Rakyat dan adakah tempoh tersebut akan disingkatkan.
67. PR-1311-L53996
Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk mengatasi pelanggaran undang-undang dan peraturan apabila pembinaan pagar haram di sekeliling kebanyakan kawasan perumahan awam menjadi berleluasa akibat kejadian jenayah yang semakin meningkat.
68. PR-1311-L53358
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pelajar kejururawatan yang dijangka akan bergraduasi daripada kolej-kolej swasta pada tahun 2013 dan tahun 2014.
69. PR-1311-L54494
Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kenapa pihak pembangkang tidak diberi peluang berkempen melalui TV dan radio sewaktu PRU 13 seperti negara-negara maju yang mengamalkan demokrasi yang lebih unggul. Bukankah rakyat berhak mendengar polisi-polisi dan manifesto Kerajaan dan pembangkang untuk membuat penilaian yang jitu.
70. PR-1311-L53082
Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang keperluan logistik yang tidak mencukupi di hospital daerah dan kemudahan untuk perkhidmatan kesihatan yang melibatkan kawasan pedalaman seperti kawasan orang asli.
71. PR-1311-L53292
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengurangkan kadar cukai korporat dan cukai pendapatan.

72. PR-1311-L53943
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah saman AES yang sudah dikeluarkan dan rancangan pemansuhannya.
73. PR-1311-L53110
Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah purata jumlah penerbangan dan penumpang setiap hari yang menggunakan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa.
74. PR-1311-L54754
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapakan jumlah keseluruhan perbelanjaan yang telah digunakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) untuk menyelenggara PRU-13; dan
 - (b) berikan pecahan terperinci kegunaan perbelanjaan beserta jumlah untuk setiap pecahan perbelanjaan yang telah digunakan.
75. PR-1311-L53867
Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah justifikasi Majlis Perundingan Gaji Negara menetapkan perintah gaji minimum sebanyak RM900 sebulan bagi Semenanjung Malaysia manakala RM800 sebulan bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.
76. PR-1311-L54432
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) status projek *Air Traffic Modernization Program (ATMOP)* untuk meningkatkan tahap perkhidmatan kawalan trafik udara KLIA2 dan ruang udara sekitar; dan
 - (b) nilai keseluruhan projek, senarai syarikat yang membida dan rasional syarikat ENAV S.P.A. dipilih.
77. PR-1311-L53391
Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian berdasarkan laporan kajian yang dikeluarkan oleh IKRAM pada tahun 2009 terhadap sekolah-sekolah di daerah Dungun.
78. PR-1311-L53720
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah promosi telah dilakukan di luar negara dalam usaha menarik kedatangan pelancong asing melawat Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Se jauh manakah persiapan dalam negara telah dilakukan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

79. PR-1311-L54028
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah dan rancangan Kerajaan untuk mengurangkan kertas kerja (*paper works*) para guru dan langkah untuk memperbaiki prestasi akademik, kualiti pendidikan dan kebajikan profesion perguruan dalam negara kita.
80. PR-1311-L53444
Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sikap Kerajaan Persekutuan terhadap pembelian dakwat kekal yang jelas tidak kekal dan memaklumkan siapa pembekal dan berapakah kosnya.
81. PR-1311-L53891
Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha serta-merta dalam menangani penurunan harga sawit dan getah yang mengakibatkan ramai pekebun kecil yang pendapatan utamanya terjejas disebabkan bergantung kepada sumber pertanian tersebut.
82. PR-1311-L54905
Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini mengenai *Automated Enforcement System (AES)* selepas ditangguhkan seketika pelaksanaan sistem ini. Adakah pihak Kementerian bercadang membuat penambahbaikan sistem ini di masa hadapan.
83. PR-1311-L54875
Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini berkenaan pelaksanaan *Automated Enforcement System (AES)* selepas pihak Kementerian menangguhkan pelaksanaannya. Adakah pihak Kementerian bercadang menggubal serta menambahbaik sistem ini pada masa hadapan.
84. PR-1311-L54895
Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) berapa bangunan berdasarkan konsep hak milik strata dalam negara ini yang menghadapi masalah tunggakan cukai tanah yang diakibatkan oleh sebab cuma terdapat sebilangan kecil pemilik-pemilik petak yang membuat bayaran cukai tanah mengikut syer mereka kepada Jawatankuasa Pengurusan Bersama / Badan Pengurusan Bersama ; dan
 - (b) berapa jumlah tunggakan yang terlibat setakat ini.
85. PR-1311-L53970
Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status prestasi pembangunan Wilayah Ekonomi Wilayah Utara (NCER) setakat pertengahan tahun 2013 ini. Apakah perkembangan projek-projek dan jumlah peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan di NCER setakat ini.

86. PR-1311-L55005
Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah cadangan Tebatan Banjir Setiu akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu pengairan kepada petani-petani dan mencegah serta mengatasi masalah banjir teruk setiap tahun di daerah Setiu.
87. PR-1311-L54935
Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah rancangan peningkatan jeti Kargo Pulau Pangkor akan dilaksanakan.
88. PR-1311-L54980
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagi memastikan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) sebagai sebuah institusi pendidikan yang mampu untuk melahirkan cendekiawan yang berlandaskan pada agama sesuai dengan iklim di Malaysia.
89. PR-1311-L55039
Tuan Rozman Isli [Labuan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan menurunkan kadar faedah pinjaman perumahan sebanyak 4 peratus setahun bagi kakitangan Kerajaan yang menikmati gaji di bawah RM3,000 sebulan. Ini bertujuan untuk meringankan beban kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah untuk membayar pinjaman harga rumah yang tinggi.
90. PR-1311-L55040
Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk mempromosikan negeri Sabah dan Sarawak sebagai tumpuan tempat pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 memandangkan kedua-ke dua negeri ini mempunyai banyak taman negara yang menarik. Jika ada, apakah perancangan tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung Semula Pertimbangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 (D.R. 4/2013) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2012 seperti berikut :-**

“Bahawa Dewan ini mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus tiga belas juta empat ratus enam puluh sembilan ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM513,469,560) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2012 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2012 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 2013 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (16 Julai 2013)

2. **Perdana Menteri akan mencadangkan :-**

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Ketiga Belas yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi)
2. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan
3. Yang Berhormat Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, Ahli Parlimen Cameron Highlands, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
4. Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Ahli Parlimen Selangau, Menteri di Jabatan Perdana Menteri
5. Yang Berhormat Dato' Sri Liow Tiong Lai, Ahli Parlimen Bentong
6. Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Ketua Pembangkang
7. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Gelang Patah.”

3. **Perdana Menteri akan mencadangkan :-**

"Bahawa Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Ahli Parlimen Pulaui dan Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Ahli Parlimen Kepong masing-masing dipilih sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Ketiga Belas."

4. **Menteri Kewangan akan mencadangkan :-**

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh Seksyen 11 subseksyen 2 Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam berikut dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST. 34, ST. 35 dan ST. 36 tahun 2013 disahkan".

5. PR-1311-U53624

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dikhabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melepasi tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon. Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bag rakyat Sabah."

(Menteri Dalam Negeri)

6. PR-1311-U53641

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperolehi melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

(Perdana Menteri)

7. PR-1311-U53665

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka plan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, Cina dan lain-lain bahasa."

(Menteri Pendidikan)

8. PR-1311-U53673
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasi amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

(Perdana Menteri)

9. PR-1311-U53606
Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)". Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".

(Perdana Menteri)

10. PR-1311-U53671
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."

(Menteri Dalam Negeri)

11. PR-1311-U53672
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)

12. PR-1311-U53434
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."

(Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)

13. PR-1311-U54335
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih."

(Perdana Menteri)

14. PR-1311-U54336
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pelaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesaikan serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia. "

(Menteri Pengangkutan)

15. PR-1311-U54337

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

(Menteri Pendidikan)

16. PR-1311-U54338

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Pelaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

(Menteri Kewangan)

17. PR-1311-U54339

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbau perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

(Perdana Menteri)

18. PR-1311-U54341

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan bebanan hidup rakyat dan membolehkan lebih pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)

19. PR-1311-U53963
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya jua bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksploitasi."

(Menteri Sumber Manusia)

20. PR-1311-U53965
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

21. PR-1311-U54604
Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

(Menteri Dalam Negeri)

22. PR-1311-U54605
Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

(Menteri Pendidikan)

23. PR-1311-U55044

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini mengecam Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk artikel "Hijrah ke negara republik jika enggan terima sistem negara" di dalam Utusan Malaysia pada 16 Mei 2013, kerana bukan sahaja menunjukkan keangkuhan dan penghinaan terhadap pendapat umum tetapi juga untuk seorang Menteri menyuruh rakyat Malaysia yang tidak suka dengan sistem Pilihan raya negara keluar meninggalkan negara adalah bertentangan dengan dasar 1Malaysia Perdana Menteri dan matlamat beliau untuk menjadikan Malaysia "demokrasi terbaik dunia".

(Menteri Dalam Negeri)

24. PR-1311-U55043

Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengiktiraf bahawa Rakyat diberi akses munasabah kepada Parlimen dan premisnya; seterusnya bahawa langkah-langkah diambil supaya Dewan Rakyat dijadikan tempat yang lebih menggalakkan penyertaan dan minat rakyat; membuat ketetapan bahawa Rakyat dan pertubuhan-pertubuhan NGO dibenarkan penggunaan munasabah akan kemudahan di Parlimen termasuk untuk mengadakan sidang akhbar di lobi Parlimen dan bahawa rakyat tidak dipaksa menurut sebarang kod pakaian semasa berada di Dewan Rakyat atau premisnya."

(Perdana Menteri)

25. PR-1311-U55045

Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat timbang semula keputusan Tuan Timbalan Yang Dipertua berkenaan dengan perkara Peraturan Mesyuarat pada 1hb Julai 2013 iaitu keputusan Mahkamah dalam kes kematian dalam tahanan polis A.Kugan tidak boleh disebutkan menurut Peraturan Mesyuarat 36(2) atas alasan bahawa ianya berada di bawah timbangan Mahkamah (subjudice)."

(Perdana Menteri)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2013</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.10	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak Bagi Tahun 2011	17 Julai 2013
ST.22	Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) (Pindaan) 2013	17 Julai 2013
ST.23	Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2013	17 Julai 2013
ST.28	Kaedah-kaedah Mahkamah Persekutuan (Pindaan) 2013.	17 Julai 2013
ST.29	Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan (Pindaan) 2013	17 Julai 2013
ST.30	Kaedah-kaedah Mahkamah (Pindaan) 2013	17 Julai 2013
ST.34	Akta Kastam 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2012 P.U (A) 472 yang diwartakan pada 28 Disember 2012	17 Julai 2013
ST.35	Akta Kastam 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN) (Pindaan) 2012 P.U(A) 471 yang diwartakan pada 28 Disember 2012	17 Julai 2013
ST.36	Akta Kastam 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Antara Malaysia - Australia) 2012 P.U.(A) 487 yang diwartakan pada 31 Disember 2012	17 Julai 2013

<u>TAHUN</u> <u>2013</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.40	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) Bagi Tahun 2012	17 Julai 2013
ST.41	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)Bagi Tahun 2012	17 Julai 2013
ST.42	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2012	17 Julai 2013
ST.43	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)Bagi Tahun 2012	17 Julai 2013
ST.44	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2012.	17 Julai 2013